

MDV ANJUR SESI KLINIK PEMBIAYAAN UNTUK TEKNO-USAHAWAN MENEROKA PELUANG PEMBIAYAAN DAN PENYELESAIAN KEWANGAN

MDV BERKOLABORASI DENGAN PKNPK, DIGITAL PERAK DAN STEP UNTUK MEMPROMOSI DAN MEMBANGUNKAN LEBIH BANYAK SYARIKAT TEKNOLOGI PERAK

IPOH, JUN 26, 2024 – Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), iaitu anak syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] dan agensi di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), telah menganjurkan Klinik Pembiayaan MDV bertempat di Bangunan Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP). Sesi tersebut diadakan bertujuan untuk melengkapkan tekno-usahawan tempatan dengan maklumat penting mengenai fasiliti dan program pembiayaan oleh MDV serta untuk memperkenalkan pilihan penyelesaian kewangan yang bersesuaian untuk pertumbuhan dan perkembangan perniagaan.

Program ini mensasarkan syarikat – syarikat teknologi dalam kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Penyelenggaraan, Pembaikan dan Operasi (MRO), teknologi hijau, teknologi baharu seperti Revolusi Industri 4.0, teknologi pendidikan, teknologi agrikultur, teknologi mendalam, syarikat pemula dengan produk atau perkhidmatan inovatif termasuk pemodal teroka, ekuiti swasta dan penyumbang labur.

YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi, Pengurus Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak berkata, “Peranan MDV sebagai pembiaya teknologi negara yang berpengetahuan luas dan berpengalaman dalam menyokong usaha teknologi – teknologi baharu yang berpotensi tinggi dengan model perniagaan inovatif adalah amat perlu dan penting dalam menyediakan akses pembiayaan yang lebih baik untuk syarikat-syarikat teknologi di Negeri Perak yang ingin membangunkan dan mengembangkan perniagaan mereka”.

Beliau turut menyatakan, “Objektif program untuk memperkenalkan penyelesaian pembiayaan yang ditawarkan oleh MDV sebagai alternatif kepada pembiayaan tradisional adalah selaras dengan fokus kerajaan negeri untuk membangunkan tekno-usahawan Perak melalui sokongan holistik dan membantu mengkomersialkan projek inovatif yang dapat menjana pulangan ekonomi yang lebih baik untuk mereka dan negeri.”

MDV bersama – sama rakan strategik, iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) dan STeP telah bekerjasama menjayakan program ini untuk membantu mempromosikan dan mengembangkan lebih banyak syarikat – syarikat teknologi yang diasas di Perak.





Turut hadir semasa program adalah Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir dan Ketua Pegawai Perniagaan MDV, Marazizi Omar.

Menyentuh mengenai program dan kerjasama ini, Marazizi Omar menekankan kepentingan inisiatif seperti ini dalam menyediakan platform bagi syarikat-syarikat teknologi untuk meneroka pelbagai pilihan penyelesaian pembiayaan yang bersesuaian dengan keperluan pembiayaan syarikat mereka.

"MDV sentiasa berada di barisan hadapan dalam pembiayaan berdasarkan teknologi untuk syarikat-syarikat dan teknologi-usahawan di Malaysia. Kami memahami model perniagaan inovatif mereka dan boleh mengenal pasti penyelesaian pembiayaan yang paling sesuai untuk fasa perniagaan semasa mereka bagi membantu meningkatkan operasi mereka. Melalui sesi klinik pembiayaan ini, kami berharap teknologi-usahawan akan berhubung dengan *Client Coverage Team* kami untuk menerima nasihat dan sokongan khusus untuk keperluan spesifik mereka," katanya.

Klinik Pembiayaan MDV merupakan program bersiri berbentuk *outreach*, yang membantu usahawan - usahawan syarikat pemula teknologi terlibat untuk memahami keperluan perniagaan mereka dan memperkenalkan produk pembiayaan yang tersedia daripada MDV untuk pertumbuhan perniagaan mereka. Sesi-sesi ini diadakan untuk menyediakan platform untuk berhubung dengan pakar - pakar industri, mendapatkan pengetahuan tentang pelbagai peluang pembiayaan dan meneroka penyelesaian pembiayaan terbaik untuk perniagaan mereka.

MDV merupakan perintis dalam menyediakan penyelesaian pembiayaan inovatif sejak penubuhannya pada tahun 2002. Sejak itu, MDV telah berjaya menyalurkan lebih daripada RM13 bilion pembiayaan kepada pelbagai syarikat-syarikat teknologi, termasuk kira-kira 54% syarikat - syarikat Bumiputera serta lebih daripada 90% syarikat-syarikat Kecil dan Sederhana (SME), menyokong lebih daripada 1,184 projek dalam pelbagai sektor teknologi berimpak tinggi. Daripada perspektif pembangunan negara, MDV telah membantu membina 5,900 menara 3G/4G yang menyumbang kepada penjanaan pendapatan sebanyak RM21 bilion dan 25,000 pekerjaan.